

13/10/1997

MPBP mampu lahir guru cemerlang

Mohamed Noodeen Mukri

MAKTAB Perguruan Batu Pahat (MPBP) yang terletak di Km 7.75 Jalan Kluang, Batu Pahat berada di satu lokasi paling strategik dan menarik sebagai pusat pengajian unggul sejajar dengan peranan mengeluarkan tenaga guru terlatih serta berwibawa.

Kampus ini mula dibina pada 1987 dan siap pembinaannya menjelang April 1992 dengan kos pembiayaan lebih RM20 juta. Operasinya bermula pada tahun itu juga dengan menempatkan beberapa kakitangan akademik bagi menguruskan tugas pengurusan dan pentadbiran.

Falsafah MPBP ialah 'Melahirkan Guru Cemerlang' dengan moto 'Berilmu, beramal, berakhlak' dan visi untuk membentuk bakal guru berilmu, beramal, berpekerti mulia serta bersikap positif terhadap profesion perguruan, menjadikan maktab ini sentiasa ingin berada di hadapan dalam menjana ilmu pendidikan.

Penolong Pengerusi Perhubungan Awam MPBP, Saeril Sahlan, berkata matlamat penubuhan MPBP adalah mewujudkan sebuah maktab perguruan yang berupaya menyediakan guru cemerlang dengan identiti tersendiri melalui kegiatan akademik, profesionalisme, penyelidikan dan sebagainya.

Antara objektif MPBP pula ialah merancang dan melaksanakan segala program kurikulum/kokurikulum bagi Kursus Asas, Kursus Perguruan Lulusan Ijazah, Kursus Perguruan Dalam Perkhidmatan dan Kursus Diploma Pendidikan Khas.

Selain itu, MPBP berusaha meningkatkan pencapaian guru pelatih dan tahap profesionalisme staf akademik melalui latihan kemajuan staf.

Beliau berkata, tenaga akademik MPBP kini seramai 108 orang dan dibantu 42 kakitangan sokongan bersama guru pelatih yang berjumlah 1,399 orang.

Sebagai sebuah institusi perguruan baru, MPBP mempelbagai kegiatannya di bidang pendidikan agar menjadi kebanggaan negara di samping dihormati oleh masyarakat.

"Kemudahan masjid di maktab ini juga dibuka kepada masyarakat Islam tempatan termasuk pekerja kilang swasta untuk menunaikan solat Jumaat," katanya.

Begitu juga di bidang pendidikan, kakitangan akademik dan guru pelatih turut membantu sekolah di daerah Batu Pahat, Kluang dan Muar.

Malah MPBP sentiasa mendampingi masyarakat tempatan sama ada mengadakan program di MPBP mahupun menjayakan pelbagai program di peringkat daerah.

Menurutnya, dalam program yang ditawarkan di peringkat pendidikan sekolah menengah, Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) membabitkan bidang Ekonomi Asas dan Perdagangan. Bagi Kursus Perguruan Asas Lima Semester pula menyediakan Kursus Kemahiran Hidup iaitu Kemahiran Manipulatif Tambahan (KMT), Sains Pertanian dan Ekonomi Rumah tangga (ERT).

Di peringkat sekolah rendah pula, Kursus Perguruan Asas Lima Semester membabitkan Pengajian Melayu (PM), Pengajian Cina (PC), Pengajian Agama (PA), Pengajian Muzik (MU) dan Pengajian Matematik (MT).

"Semua program itu bertaraf diploma perguruan sebagaimana yang diumumkan oleh pihak kementerian," katanya.

Saeril berkata, di antara kemudahan yang terdapat di MPBP ialah gimnasium, masjid, makmal komputer, kafeteria, bilik sumber, asrama pelajar dan sebagainya.

(END)